

14/01/1999

Nik Aziz dijangka sambut Perdana Menteri

KOTA BHARU, Rabu - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri akan menyambut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setibanya Perdana Menteri di perkarangan Bilik Gerakan Negeri di Kota Darulnaim, di sini esok.

Perdana Menteri dijangka melawat dan mendengar taklimat mengenai Pusat Kawalan banjir di situ kira-kira jam 2 petang.

"Saya akan menyambut Perdana Menteri di perkarangan bilik gerakan dan turut sama mendengar taklimat banjir di situ," kata Nik Aziz kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri, hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat mengesahkan sama ada Perdana Menteri akan membuat kunjungan hormat di pejabatnya selepas itu.

"Setakat ini saya tak tahu lagi, kerana tidak ada kenyataan bertulis. Saya hanya diminta sambut di perkarangan di Bilik Gerakan negeri," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Sultan Yahya Petra, Pengkalan Chepa, jam 12.45 tengah hari dalam rangka lawatan kerja sehari ke Kelantan.

Perdana Menteri akan menghadiri beberapa majlis, termasuk mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri dan menyampaikan ucapan perdana pada majlis berbuka puasa di Sekolah Menengah Sains Machang.

Selain itu, beliau akan mengadakan pertemuan tertutup dengan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) di Rumah Sri Kelantan, di Kampung Telipot, dekat sini.

(END)